

19/08/1998

MSC tempat ujian sistem, khidmat IT

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Koridor Raya Multimedia (MSC) dijadikan sebagai tempat ujian sistem dan perkhidmatan teknologi maklumat (IT) canggih, sebelum dipasarkan ke seluruh dunia.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, syarikat-syarikat tempatan perlu mengambil peluang itu dan tidak ketinggalan dalam menggunakan MSC yang menyediakan kemudahan infrastruktur canggih untuk menguji perkhidmatan masing-masing.

"Ini harapan kerajaan. Saya yakin MSC akan membawa banyak manfaat, banyak peluang kepada syarikat," katanya ketika melancarkan Metrovisionews On The Net di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

MetroVisionews On The Net adalah perkhidmatan berita, teks dan paparan video MetroVision yang disalurkan menerusi Internet dan boleh diperolehi secara percuma oleh semua pengguna di seluruh dunia. Ia boleh diperolehi menerusi alamat <http://Visionews.com>.

Hadir sama Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat; Pengarah Urusan City Televisyen Sdn Bhd, Sabri Rahman dan Ketua Pegawai Operasi Perwimas Telecommunications Sdn Bhd, Patrick SH Lim.

Dr Mahathir berkata, ketika ini sudah banyak syarikat tempatan yang merancang mewujudkan makmal masing-masing di MSC.

"Syarikat tempatan tidak ketinggalan dalam bidang multimedia ini, ramai daripada mereka sudah mempunyai makmal dalam MSC dan mereka menunjukkan kebolehan yang istimewa, kelebihan yang kadangkala luar biasa dalam bidang ini.

"Kita mempunyai kebolehan di mana kita boleh buat ujian ini dan saya yakin kita dapat memperkenalkan kepada dunia ciptaan kita yang unik. Dari situ juga boleh kita membuat penjualan, sistem dan teknologi yang diusahakan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejayaan MetroVisionews On The Net membuktikan negara ini sesuai dijadikan tempat untuk ujian berkenaan.

Dr Mahathir berkata, dengan penyiaran berita dan gambar televisyen secara langsung menerusi Internet, mereka yang tidak mengetahui mengenai apa yang berlaku dalam negara, boleh mendapat maklumat dengan mudah.

"Saya yakin rakyat Malaysia di luar negara lebih senang hati kerana mereka akan mendapat berita dari tanah air.

"Kalau dulu mereka rasa terpisah apabila mereka berada di luar negara, sekarang mereka akan tahu serta-merta apa yang sedang berlaku di negara sendiri," katanya.

(END)